

ASCAZIN CAPSULES

Zinc Sulphate (50.96mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ascazin
2. Bagaimana Ascazin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Ascazin
4. Cara menggunakan Ascazin Semasa menggunakan Ascazin
5. Kesan-kesan sampingan
6. Cara penyimpanan dan pelupusan Ascazin
7. Maklumat lanjut
8. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
9. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Ascazin

Zink sulfat digunakan untuk rawatan kekurangan zink.

Bagaimana Ascazin berfungsi

Zink adalah unsur surih yang penting yang terlibat dalam banyak sistem enzim. Ia juga diperlukan untuk mengekalkan struktur dalam asid nukleik, protein, dan membran sel. Fungsi fisiologi yang bergantung kepada zink termasuk pertumbuhan dan pembahagian sel, kematangan seksual dan pembiakan, penyesuaian dalam gelap dan penglihatan malam, penyembuhan luka, imuniti badan, kepekaan rasa, dan mungkin sensitiviti kepada bau.

Sebelum menggunakan Ascazin

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Ascazin jika anda hipersensitif kepada zink sulfat atau bahan-bahan lain yang disenaraikan di akhir risalah.

Mengandung dan menyusukan anak

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum menggunakan Ascazin jika anda hamil atau menyusukan.

- Sebelum menggunakan Ascazin

Beritahu doktor anda tahu jika anda mengalami masalah buah pinggang atau dialisis.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Penyerapan zink boleh dikurangkan oleh makanan tambahan zat besi, *penicillamine* (ubat untuk mengubati penyakit genetic yang menyebabkan tembaga yang berlebihan berkumpul di dalam badan), persediaan yang mengandungi fosforus, dan *tetracyclines* (antibiotik). Suplemen zink mengurangkan penyerapan tembaga, *fluoroquinolones* (antibiotik), besi, *penicillamine*, dan *tetracyclines*.

Cara menggunakan Ascazin

- Berapa banyak harus digunakan

Untuk orang dewasa

Satu kapsul, sekali hingga tiga kali sehari selepas makan.

Untuk kanak-kanak

Lebih daripada 30kg: Satu kapsul, sekali hingga tiga kali sehari selepas makan.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Tanya doktor atau ahli farmasi anda berapa lama anda mengambil ubat ini.

- Jika terlupa menggunakan

Bercakap dengan doktor atau ahli farmasi jika anda terlupa menggunakannya.

Sekiranya hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu dan ambil dos seterusnya.

Jangan mengambil dos berganda untuk membuat dos yang terlupa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda telah mengambil terlalu banyak kapsul, hubungi jabatan kecemasan atau doktor terdekat anda dengan segera. Ambil risalah ini dan baki kapsul bersama anda untuk menunjukkan kepada doktor.

Zink sulfat memberi kesan kakisan jika terlebih mengambilnya. Simptom terlebih dos termasuk;

- Kakisan dan keradangan membran mukus mulut dan perut
- Ulser perut yang diikuti dengan kebocoran perut (*perforation*) boleh berlaku

Cucian perut (gastric lavage) dan muntah perlu dielakkan. Agen demulsi seperti susu perlu diberikan. Agen *chelating* seperti natrium kalsium edetate mungkin berguna.

Semasa menggunakan Ascazin

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Ascazin.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berkongsi Ascazin dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Ascazin boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya.

Lihat doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan semasa mengambil ubat ini, walaupun jika

tidak disenaraikan di sini. Kesan sampingan yang paling biasa ialah

- kesan yang dikaitkan dengan perut
- loya,
- muntah dan
- ketidakselesaan perut

Kesan sampingan lain termasuk

- rasa metalik (seperti ada besi) pada lidah
- sakit kepala
- mengantuk

Pengambilan dos zink yang tinggi boleh membawa kepada

- kekurangan tembaga
- anemia hipokromik, anemia mikrocitik (sel darah merah yang lebih kecil dan pucat daripada biasa) sekunder kepada kekurangan tembaga yang disebabkan oleh zink

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my (*Consumer → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Ascazin

- Penyimpanan

Simpan di tempat kering di bawah 30°C, dan lindungi daripada cahaya.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Jangan gunakan Ascazin selepas tarikh yang dicetak sebagai "EXP", walaupun ia telah disimpan dengan betul.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Kapsul gelatin keras berwarna hitam / oren, bersaiz '0' yang mengandungi serbuk putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Zinc Sulphate Monohydrate USP
140 mg, bersamaan dengan
Elemental Zinc 50.96 mg

- Bahan lain

Lactose BP

Colloidal Silicon Dioxide BP

- Nombor MAL

MAL08082457X

Pengilang

Apex Laboratories Limited
B-23, SIDCO Pharmaceutical Complex,
603 110 India.

Pemegang Pendaftaran Produk

Unimed Sdn Bhd
NO.53, Jalan Tembaga SD 5/2B,
Bandar Sri Damansara,
52200, Kuala Lumpur,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

13/10/2020

Nombor Siri

NPRA(R4/1)200919/00266